PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

MOHD RIZAL BIN SALLEH

FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Hasil Pembelajaran

Di akhir kursus ini, peserta berupaya untuk

1. mengaitkan isu berkaitan dengan cabaran semasa dalam pengurusan P&P.
2. mengaplikasikan kaedah penyeliaan pelajar pasca siswazah secara berkesan bagi mencapai kecemerlangan dalam penyeliaan.
3. mengaplikasikan konsep dan kaedah kemahiran dalam memberi perundingan dan perkhidmatan masyarakat.
4. mendiagnosis potensi diri seterusnya merancang pembangunan kendiri sebagai seorang ahli akademik berasaskan 5P.
5. memperincikan pengetahuan tentang isu dalam penyelidikan dan pembangunan.

PENGAJARAN :

"PROSES PENYAMPAIAN ILMU PENGETAHUAN, KEMAHIRAN, SIKAP DAN NILAI "

MENURUT *HUNTER(1995)*, PENGAJARAN BERKESAN DI TAKRIFKAN SEBAGAI PENGAJARAN YANG DAPAT MENINGKATKAN PEMBELAJARAN DALAM DIRI PELAJAR

SLAVIN(1987) TELAH MENGUTARAKAN 4 ELEMEN UNTUK MENGHASILKAN PENGAJARAN YANG BERKESAN KONSEP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN: KUALITI PENGAJARAN, KESESUAIAN PERINGKAT PEMBELAJRAN, INSENTIF DAN MASA.

Ciri-ciri pengajaran yang berkesan:

I. Mempunyai unsur utama iaitu pensyarah dan mahasiswa/siswi
II. Pensyarah sebagai pengajar dan mahasiswa/siswi memainkan peranan sebagai pelajar
III. Melibatkan proses pemikiran dan penggunaan bahasa dan simbol
IV. Dijalankan dengan pelbagai bentuk
V. Meliputi segala aspek
VI. Proses melibatkan interaksi dua hala (two ways communication)
VII. Mengandungi unsur sains dan unsur seni

PEMBELAJARAN :

"PROSES PERUBAHAN TINGKAH LAKU YANG AGAK TETAP DAN BERLAKU KERANA PENGALAMAN ATAU LATIHAN YANG DITEGUHKAN"

Ciri-ciri pembelajaran:

I. Peringkat mengikut turutan: *Rangsangan*, *Pemikiran*, *Perubahan tingkah laku .*
II. Perubahan tingkah laku dari tahap rendah ke tinggi
III. Proses yg berterusan dan akan berhenti apabila hilang motivasi atau motif pembelajaran yg sesuai
IV. Pembelajaran akan berlaku dari pengalaman atau latihan
V. Perubahan tingkah laku dibentuk dari proses pemikiran dan penanggapan
VI. Berlaku atas usaha sendiri mengikut motif atau motivasi seperti keinginan belajar

HUBUNGAN ANTARA PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

TUJUAN UTAMA PENGAJARAN IALAH PEMBELAJARAN.

Oleh itu,dua fungsi utama pengajaran ialah:
a) Merangsang pembelajaran.
b) Wujud situasi pembelajaran berkesan.

Pengajaran → motivasi → pembelajaran.

Objektif pengajaran utama ialah hasil pembelajaran.

Mahasiswa/siswi akan mendapat manfaat dari pengajaran dan pembelajaran.

Pensyarah mendapat pengalaman tambahan dari pengajaran dan pembelajaran.

MODEL PENGAJARAN

MODEL EKSPOSITORI

- Penerangan yang jelas dan terperinci.
- Penyampaian maklumat atau isi kandungan pelajaran secara langsung dalam kelas.
- Cara penyampaian pelajaran melalui penerangan,bercerita atau demonstrasi.
- Model ini untuk menerangkan konsep,fakta,hukum atau prinsip.

MODEL PEMPROSESAN MAKLUMAT

- Mendorong aktiviti pemprosesan maklumat yang terdiri daripada pembentukan konsep , berfikir secara induktif, latihan inkuir , ingatan, perkembangan intelek.
- Mengikut Gagne , beliau mengenal pasti lapan fasa dalam proses pembelajaran.

FASA PEMBELAJARAN

a) fasa motivasi
b) fasa tanggapan (kefahaman)
c) fasa penyimpanan (pemerolehan)
d) fasa penahanan
e) fasa mengingat kembali
f) fasa generalisasi
g) fasa prestasi
h) fasa maklum balas model pengajaran

MODEL INKUIRI

Terdapat 2 jenis strategi inkuiri

a) Inkuiri terbimbing: memerlukan pensyarah untuk membimbing mahasiswa/siswi menjalankan kajian
b) Inkuiri terbuka: mahasiswa/siswi tidak diberi bimbingan oleh pensyarah

Segala proses soal selidik untuk mendapatkan jawapan atau kesimpulan daripada soalan.

Model Inkuiri Sains: mengkaji prinsip , fenomena , unsur-unsur sains

Model Inkuiri Sosial: mengkaji topik-topik yang berkaitan kemasyarakatan dan kemanusiaan berlandaskan pemerhatian dan temu bual.

IMPLIKASI MODEL PENGAJARAN

MODEL EKSPOSITORI

Pensyarah dapat menghuraikan konsep secara lisan sambil menulis fakta di papan tulis agar mahasiswa/siswi dapat melihat dan memahami konsepnya.

MODEL PEMPROSESAN MAKLUMAT

Proses pembelajaran bermula daripada rangsangan-rangsangan di luar.

MODEL INKUIRI

Menggalakkan mahasiswa/siswi melibatkan diri secara aktif dalam proses inkuiri dengan pensyarah.

Kesimpulannya, sebagai seorang pendidik yang berprofesionalisme kita perlulah mempelbagaikan kaedah dalam proses pengajaran dan pembelajaran supaya penerimaan ilmu oleh mahasiswa/siswi lebih berkesan dan menyeluruh.

Selain itu, membolehkan pensyarah membuat analisis, menilai dan mengubah amalan mahasiswa/siswi serta menggunakan satu pendekatan analitikal (terperinci) terhadap pengajaran….

Perbincangan

Isu-isu semasa dalam pengajaran dan pembelajaran.

Isu kompetensi tenaga pengajar. Bagaimana atasi isu penyampaian dilakukan?

Isu kualiti graduan masih tidak memuaskan. Bagaimana menjadikan penyampaian PAO masih berkesan?

Isu GOT masih tidak memuaskan (Pra/Pasca Siswazah)